

23/11/2003

Persidangan SoLLs.INTEC.03 di Marriott

BEBERAPA sarjana luar negara dijemput sebagai anggota sidang pleno Persidangan Antarabangsa Bahasa Dan Kesatuanbangsaan: Menangani Cabaran Baru (Persidangan SoLLs.INTEC.03) yang akan berlangsung di Hotel Marriott, Putrajaya, dari 16 hingga 18 Disember ini.

Jurucakap Persidangan SoLLs.INTEC.03, Prof Madya Dr Nor Hashimah Jalaluddin berkata, mereka ialah Prof Dr Koh Tai Ann dari Singapura, Prof Dr Alastair Pennycook dan Prof Dr Joseph Lo Bianco (Australia), Prof Dr Niyi Osundare (Nigeria) serta Prof Dr Hamid Naficy (Amerika Syarikat).

"Persidangan SoLLs.INTEC.03 bertujuan mewujudkan wadah antarabangsa berhubung isu dan idea bahasa serta kesatubangsaan dalam menghadapi cabaran baru agar dapat ditelah, diteroka, diselidiki, dan dibincangkan," katanya.

Justeru perbincangan pada Persidangan SoLLs.INTEC.03 kali ketiga ini akan bertumpu kepada bidang kebahasaan, linguistik, kesusasteraan, kebudayaan, pendidikan, komunikasi, teknologi dan terjemahan.

Perbincangan anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSKK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dijadual akan dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Nor Hashimah berkata, sarjana tempatan yang menjadi panel pada sidang pleno persidangan ini ialah Prof Datuk Dr Abdul Rahman Embong, Prof Datuk Dr Ibrahim Barjunid, Prof Emeritus Tan Sri Datuk Awang Had Salleh, Datuk Dr Munir Majid dan Prof Zawiah Yahya.

"Kami mempelawa ahli akademik, penyelidik, guru, pelajar siswazah, pegawai pendidikan, pembuat dan perancang dasar, penulis, wartawan, ahli linguistik, penterjemah, pengurus korporat, eksekutif, pegawai sumber manusia, perhubungan awam serta diplomatik untuk menyertai persidangan ini," katanya.

Beliau berkata, peserta dari Malaysia dikenakan yuran penyertaan RM 400 seorang, pelajar (RM 250), pendaftaran berkumpulan tiga atau lebih (RM 350) manakala peserta luar negara AS \$ 120 seorang.

"Bayaran boleh dibuat melalui cek atau bank draf bagi peserta dari Malaysia manakala peserta luar negara perlu membuat bayaran dengan bank draf yang dibuat atas nama Bendahari UKM (SoLLs.INTEC.03)," katanya.